

Amaun Yang Layak Dikeluarkan

Semua simpanan dalam akaun KWSP ahli.

Kaedah Bayaran

1. Bayaran Dalam Malaysia

Bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-

- Ahli mempunyai akaun bank yang aktif dengan panel KWSP yang dilantik; **DAN**
- Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
- Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM).
- Sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

2. Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing.

Dokumen Diperlukan

1. Borang Pengeluaran KWSP 9L (AHL).
2. Salinan dokumen pengenalan diri (jika bukan pemegang MyKad).

3. Maklumat Akaun Bank (Ahli digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / salinan akaun bank semasa membuat permohonan).
4. Borang KWSP 3 (pindaan) – jika pengecaman cap ibu jari gagal di kaunter / permohonan melalui pos.

Dokumen Sokongan

1. Sila rujuk Senarai Semak Dokumen Pengeluaran Hilang Upaya untuk semua dokumen yang diperlukan di laman web KWSP dan pejabat KWSP.
2. KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan dan menolak permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Nota Amaran

Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

Maklumat Terkini Mengenai Pengeluaran Hilang Upaya Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari

www.kwsp.gov.my

atau Hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan

03-89226000



KWSP | EPF

Pengeluaran Ini Membolehkan Ahli Mengeluarkan Semua Simpanan KWSP Sekiranya Ahli Tidak Berupaya Dari Segi Fizikal Atau Mental Atau Kehilangan Keupayaan Fungsional Kekal Untuk Memperolehi Pekerjaan (Employability)

■ Kelayakan Memohon

1. Ahli bertaraf Warganegara Malaysia; **ATAU** Bukan Warganegara;
2. Ahli belum mencapai umur 60 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; **DAN**
3. Ahli masih mempunyai simpanan dalam Akaun KWSP; **DAN**
4. Ahli tidak lagi bekerja semasa permohonan pengeluaran dibuat.

■ Syarat Pengeluaran

1. Permohonan ahli mestilah disokong oleh laporan perubatan yang dibuat tidak lebih enam bulan dari tarikh permohonan diterima yang dikeluarkan oleh hospital yang merawat ahli.
2. Rawatan yang diterima bagi penyakit yang dihadapi telah mencapai tahap maksima, (Maximal Medical Improvement -MMI).
3. Ahli tidak lagi bekerja semasa permohonan dibuat.
4. Keperluan Menghadiri Sesi Temuduga:
 - Ahli dikehendaki menghadiri sesi temuduga yang akan dikendalikan oleh Pegawai KWSP.
5. Keperluan untuk menghadirkan diri untuk pemeriksaan oleh Lembaga Perubatan KWSP.

■ Perhatian Dan Makluman Kepada Pemohon

1. KWSP akan mendapatkan pengesahan kesahihan dokumen bagi setiap laporan perubatan yang dikemukakan oleh ahli kepada KWSP daripada Hospital/Klinik di mana ahli mendapatkan laporan berkenaan.
2. Sekiranya laporan perubatan dan hasil pemeriksaan Lembaga Perubatan KWSP mengesahkan bahawa ahli tidak mampu untuk menguruskan diri dan kewangan beliau, pembayaran akan dibuat kepada mana-mana orang yang layak mengikut pertimbangan KWSP.

■ Bantuan Hilang Upaya

Ahli juga adalah layak untuk mendapat Bantuan Hilang Upaya sebanyak RM5,000 sekiranya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Bantuan ini adalah bayaran tambahan ahli. Bantuan ini akan diberikan sekali sahaja.

Ahli Layak Sekiranya :-

- Ahli belum mencapai umur 55 tahun; **DAN**
- Ahli merupakan warganegara Malaysia; **DAN**
- Memohon Pengeluaran Hilang Upaya 12 bulan dari tarikh tamat perkhidmatan / hilang pekerjaan; **DAN**
- Tempoh perkhidmatan dengan majikan terakhir sekurang-kurangnya 6 bulan berterusan; **DAN**
- Ditamatkan perkhidmatan oleh majikan atau hilang pekerjaan disebabkan tidak berupaya untuk bekerja, bukan atas sebab sukarela atau tindakan disiplin.